

Keterangan: Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pasca Ijazah 2011, 25 Oktober 2011, UTHM

Instilling of Employability Skills among Students in Polytechnic

Suria Sindhi Shariati Bt Hassan

Ahmad bin Esa

Faculty of Technical and Vocational Education

ABSTRACT

Employability skill is one of the most important skills needed for working world in the globalization. Apart of technical skills, employability skill become necessary for every individual to be able to effectively and efficiently. Employers are usually outlined several criteria for employees who are required as communication skill, technology skill, problem solving skill, confident and responsibility but most of the graduates nowadays are lack in those skills which make the employer have no interest to hire them. Therefore the purpose of this research are to identify the element and the level of employability skill that are applied by lecturers into politeknik students in the teaching and learning process and the level of employability skills by students. In addition, this study also study the difference of employability mastery by gender. This is the survey research. Sample of this research are students and lecturers from politeknik in West Malaysia which is PTSB, PSIS and PKM. The questionnaire were distributed to 364 students and 260 lecturers and the data were analyzed using the Software Statistic Package For Social Science (SPSS) version 16.0.

PENERAPAN KEMAHIRAN *EMPLOYABILITY* DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK

Suria Sindhi Shariati Bt Hassan

Ahmad bin Esa

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

ABSTRAK

Kemahiran *employability* merupakan satu kemahiran yang penting dalam dunia pekerjaan di era globalisasi. Kepesatan pembangunan di Malaysia pada masa kini menuntut lebih banyak tenaga kerja tetapi masalah pengangguran masih juga berlaku. Majikan biasanya menggariskan beberapa kriteria pekerja yang dikehendaki seperti menguasai kemahiran komunikasi, kemahiran teknologi, kemahiran menyelesaikan masalah, mempunyai keyakinan diri dan bertanggungjawab tetapi graduan didapati kurang menguasai kemahiran-kemahiran tersebut menyebabkan majikan tidak berminat untuk mengambil mereka sebagai pekerja. Jadi, kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti elemen dan tahap kemahiran *employability* yang diterapkan oleh pensyarah dalam kalangan pelajar di Politeknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berserta tahap penguasaan kemahiran *employability* oleh pelajar. Disamping itu kajian ini melihat perbezaan terhadap penguasaan kemahiran *employability* antara jantina. Kajian ini merupakan kajian jenis tinjauan. Responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar di tiga buah politeknik di Semenanjung Malaysia iaitu Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Politeknik Sultan Idris Shah dan Politeknik Kota Melaka. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang telah diedarkan kepada 364 orang pelajar dan 260 orang pensyarah dan temu bual sebagai sokongan. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0.

PENGENALAN

Perkembangan ekonomi pada era globalisasi kini menuntut pihak majikan dan pihak industri memerlukan pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran atau *multiskill* (Bakar, Hamzah & Kazilan, 2006; Nordin, Abd Hamid & Jabor, 2005 dan *National Centre for Vocational Education Research* (NCVER), 2003). Menurut Cox & King (2006) majikan tidak berpuas hati dengan kualiti graduan yang kurang kemahiran dalam pasaran kerja masa kini. Jadi, modal insan yang berkemahiran tinggi dan berkeupayaan untuk mencipta, menginovasi, membangunkan teknologi, menghasil dan mempelopori pengetahuan baru serta mengaplikasikannya haruslah dibentuk untuk mengurangkan masalah pengangguran yang dikaitkan dengan graduan kurang berkualiti. Mohd Noor & Abd Sukor (2010) berpendapat bagi melahirkan modal insan yang berkualiti, produktiviti dalam pekerjaan perlu dipertingkatkan.

Mustafa, Mohd Nor, Suradin & Ahad (2010); Abu, Kamsah & Razzaly (2008); Yusoff, Ismail & Sidin (2008) dan Ibrahim (2004) menyatakan, pencapaian akademik dan kelulusan dalam bidang tertentu semata-mata masih belum menjamin seseorang graduan untuk diambil bekerja. Ismail (2011), pencapaian akademik yang tinggi tidak menjamin pekerjaan kepada graduan tanpa memiliki kemahiran *employability* yang baik dan menguasai bahasa Inggeris. Majikan atau pihak industri sudah menggariskan beberapa kriteria yang diperlukan oleh pekerja mereka. Majikan memerlukan pekerja yang memiliki bukan sahaja kemahiran teknikal malah mereka memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran-kemahiran bukan teknikal seperti kemahiran komunikasi secara lisan dan bertulis, disiplin diri, kemahiran interpersonal, kemahiran bekerja kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berfikir yang tinggi, kemahiran menggunakan teknologi, pembelajaran berterusan dan etika kerja yang positif (Raftopoulos, Coetzee & Visser, 2009; Maniam & Liong, 2007 dan Raybould & Sheedy, 2005). Kemahiran-kemahiran bukan teknikal seperti kemahiran generik, *soft skill* atau kemahiran *employability* perlu dikuasai oleh pelajar yang bakal menempuhi alam pekerjaan (Ibrahim, Mastor, Mohd Salleh & Sulaiman, 2010).

Kemahiran *employability* atau kemahiran generik juga dikenali dengan *Soft Skills* merupakan kemahiran bukan teknikal yang menggambarkan sikap dan tingkah laku. Terdapat pelbagai istilah yang digunakan di dunia ini untuk menjelaskan maksud kemahiran *employability* iaitu *generic skill*, *key skills*, *core skills*, *life skills*, *essential skills*, *key competencies*, *necessary skills* dan *transferable skills* (Cleary, Flynn, Thomasson, Alexander

& McDonald, 2007; Hager & Holland, 2006 dan NCVER, 2003). Namun, setiap istilah itu memberi maksud yang sama iaitu elemen kemahiran yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, yang berkepentingan sama dengan kemahiran teknikal yang diperlukan oleh pihak majikan (Mohd Salleh, Ibrahim, Sulaiman & Ibrahim, 2010). Knight & Yorke (2003) mentakrifkan kemahiran *employability* sebagai satu set pencapaian, kefahaman dan sifat-sifat peribadi yang membuatkan individu supaya lebih cenderung untuk mendapatkan pekerjaan dan berjaya dalam pekerjaan yang dipilih mereka. Mohd Noor & Abd Sukor (2010) dan Buntat (2006) pula menakrifkan kemahiran *employability* adalah berkaitan dengan aspek personaliti sikap, teknik berkomunikasi, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan proses mengurus organisasi. Menurut Rasul & Mustapha (2009) kemahiran *employability* merupakan aspek kemahiran pekerjaan yang sama pentingnya dengan aspek kemahiran teknikal. Kemahiran-kemahiran ini perlu diterapkan oleh tenaga pengajar kepada pelajar supaya pelajar-pelajar dapat menguasai kemahiran-kemahiran bukan teknikal yang diperlukan oleh majikan terhadap pekerjanya.

LATAR BELAKANG MASALAH

Isu pengangguran dalam kalangan graduan bukanlah sesuatu perkara yang dianggap janggal pada masa kini. Masalah ini bukan saja berlaku di negara kita malah masalah ini juga merupakan masalah global. Dalam laporan *International Labour Office* (ILO) melaporkan kadar pengangguran dunia pada tahun 2010 adalah seramai 205 juta orang. Di Malaysia, mengikut statistik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pada tahun 2010, terdapat hampir 32,000 orang graduan masih mengangur setelah enam bulan tamat pengajian (Kementerian Sumber Manusia, 2010). Menurut KPT (2008) dalam laporan kajian pengesanan graduan, graduan diploma dari bidang teknikal adalah kedua tertinggi yang menganggur iaitu sebanyak 32.9% bagi graduan IPTA dan untuk pelajar diploma dalam bidang teknikal di politeknik mencatat bilangan graduan menganggur tertinggi iaitu 66.6%.

Pengangguran dalam kalangan graduan merupakan satu pembaziran kepada negara kerana kos pendidikan dan latihan amatlah tinggi yang ditanggung oleh kerajaan (Yusoff *et al.*, 2008). Ketidakepadanan antara kemahiran yang diperlukan oleh majikan dengan kemahiran yang dimiliki oleh graduan merupakan salah satu punca berlakunya pengangguran (Shutt, Iles & Zhu, 2010; Rasul, Ismail, Ismail, Rajudin & Rauf, 2009 dan Suleiman, Baharun & Simpol, 2006). Elsen, Jasinowski & Kleinert (2005) dalam laporan 2005 *Skill gap* mendapati hampir separuh majikan menyatakan pekerja yang sedia ada kurang dalam etika

kerja dan kemahiran mengurus diri seperti kehadiran dan tidak menepati masa. Selain itu, 46% majikan melaporkan pekerja mereka kurang kemahiran menyelesaikan masalah.

Graduan kurang menguasai kemahiran-kemahiran bukan teknikal menjadi pendorong utama wujudnya masalah penganguran ini. Majikan bukan sahaja menilai pekerjaanya dari segi kemahiran teknikal semata-mata malah kemahiran bukan teknikal juga dititik beratkan terhadap bakal pekerjaanya (Raftopoulos *et. al*, 2009; Maniam & Liong, 2007 dan Raybould & Sheedy, 2005). Graduan hanya didedahkan dengan konsep teori baik ketika di sekolah mahupun ketika di institusi pengajian tinggi. Akibatnya, graduan kekurangan kemahiran berfikir, menganalisis sesuatu, berkomunikasi dalam pelbagai bahasa dan kurang kemahiran berinteraksi dengan masyarakat (Abdul Halim, 2007). Raybould & Sheedy (2005) menyatakan majikan umumnya memerlukan pekerja yang berkeupayaan bekerja di bawah tekanan, berkeupayaan membuat keputusan, kemahiran berkomunikasi, kerja berkumpulan, berkeyakinan diri, kemahiran mengurus diri dan kemahiran pembelajaran berterusan.

Objektif kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan,

- i. Mengetahui tahap kemahiran *employability* yang diterapkan dalam proses P&P.
- ii. Mengetahui tahap penguasaan kemahiran *employability* yang dikuasai oleh pelajar dalam proses P&P.
- iii. Mengetahui perbezaan tahap penguasaan dalam kemahiran *employability* mengikut jantina pelajar dalam proses P&P.

Persoalan kajian

Persoalan kajian untuk kajian ini adalah,

- i. Adakah tahap kemahiran *employability* yang diterapkan oleh pensyarah dalam proses P&P?
- ii. Adakah tahap penguasaan kemahiran *employability* dalam kalangan pelajar politeknik dalam proses P&P?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan kemahiran *employability* antara jantina dalam proses P&P?

Skop kajian

Skop kajian yang dijalankan adalah seperti berikut,

a. Geografi

- i. Kajian ini dijalankan hanya di Semenanjung Malaysia.
- ii. Tiga buah politeknik sahaja dipilih secara rawak melalui undian terlibat dalam kajian ini. Politeknik-politeknik tersebut adalah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) dan Politeknik Kota Melaka (PKM).

b. Responden

i. Pelajar politeknik

Hanya pelajar politeknik di tiga buah politeknik yang dinyatakan dalam kajian ini terlibat dalam kajian ini.

ii. Pensyarah politeknik

Semua pensyarah politeknik di tiga buah politeknik yang dinyatakan terlibat dalam kajian ini dan mereka merupakan responden penting yang terlibat secara langsung dalam menerapkan kemahiran *employability* dalam proses P&P.

c. Kemahiran *employability*

Kajian ini hanya mengkaji sembilan elemen kemahiran *employability* iaitu kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran matematik, kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja kumpulan, kemahiran komputer, kemahiran mengurus diri dan kemahiran pembelajaran berterusan.

Batasan kajian

Batasan untuk menjalankan kajian ini ialah,

i. Kewangan

Kewangan merupakan batasan bagi pengkaji disebabkan pengkaji masih belajar dan tidak mempunyai pendapatan. Jadi menjadi batasan bagi pengkaji untuk membuat kajian yang melibatkan kawasan yang lebih luas.

ii. Masa

Masa untuk menjalankan penyelidikan ini adalah terhad. Keadaan ini telah menghadkan skop kajian kerana masa untuk menjalankan kajian dan menganalisis data adalah terhad.

iii. Pengetahuan

Pengetahuan untuk kajian ini adalah terhad. Pengetahuan tentang perisian yang digunakan dalam menganalisis data adalah pengetahuan yang baru bagi pengkaji dan pengkaji memerlukan masa untuk mempelajarinya.

iv. Kejujuran

Kejujuran responden untuk menjawab soal selidik juga adalah limitasi. Ini kerana pengkaji tidak mengetahui dan mengukur sejauh mana kejujuran responden semasa menjawab soal selidik yang diedarkan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerapan elemen kemahiran *employability* oleh pensyarah dalam kalangan pelajar politeknik dalam proses P&P dan tahap penguasaan elemen kemahiran *employability* oleh pelajar dalam proses P&P. Responden kajian ini terdiri daripada 364 orang pelajar dan 260 orang pensyarah. Lokasi kajian adalah di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Politeknik Kota Melaka (PKM), dan Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS). Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini yang mangandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah tentang latar belakang demografi responden. Bahagian B adalah tentang penerapan kemahiran *employability* oleh pensyarah terhadap pelajar dan bahagian C adalah tentang penguasaan kemahiran *employability* oleh pelajar. Skala Likert digunakan dalam menjawab soal selidik Bahagian B dan Bahagian C menggunakan lima skala pengukuran seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1: Tafsiran skala Likert bagi Bahagian B dan Bahagian C

Skor	5	4	3	2	1
Skala	Sangat tinggi	Tinggi	Sederhana	rendah	Sangat rendah

Data yang akan diperolehi daripada borang soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 16.0. Jadual 1.2 menunjukkan kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1.2: Kaedah Menganalisis Data

Bil.	Persoalan kajian	Instumen	Data kuantitatif
1.	Apakah tahap kemahiran <i>employability</i> yang diterapkan oleh pensyarah dalam proses p&p?	Soal selidik dan temu bual	Analisis statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan analisis data temu bual
2.	Apakah tahap penguasaan kemahiran <i>employability</i> dalam kalangan pelajar politeknik?	Soal selidik dan temubual	Analisis statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan analisis data temu bual
3.	Adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan kemahiran <i>employability</i> berdasarkan jantina?	Soal selidik dan temu bual	Analisis statistik inferensi (Ujian t) dan analisis data temu bual

JANGKAAN DAPATAN KAJIAN

Daripada kajian ini, pengkaji menjangkakan tahap penerapan kemahiran *employability* dalam kalangan pelajar politeknik berada pada tahap sederhana walaupun ada kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Noor dan Abd Sukor (2010) yang dijalankan di Institut Perindustrian Pasir Gudang mendapati tahap penerapan kemahiran *employability* berada pada tahap yang tinggi.

KESIMPULAN

Kemahiran *employability* adalah merupakan kategori kemahiran yang penting dalam dunia pekerjaan hari ini. Para pekerja hari ini tidak dapat dianggap lengkap atau tidak berketrampilan jika mereka hanya memiliki kemampuan teknikal yang baik tanpa berpengetahuan kemahiran *employability*. Dengan kemahiran *employability* akan mendapat peluang pekerjaan lebih luas, berkekalan dan seterusnya berjaya dalam pekerjaan. Dengan penerapan kemahiran *employability* dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan membantu pelajar sebagai persediaan untuk menghadapi alam pekerjaan kelak.

RUJUKAN

- Bakar, A. R., & Kazilan, F. (2006). Soft- skills di kalangan pengajar Pusat Latihan Teknik dan Vokasional di Malaysia. *Prosiding seminar kebangsaan teknik dan vokasional*. Skudai: Penerbit UTM. ms. 39- 43.
- Buntat, Y. (2004). *Integrasi kemahiran employability dalam program pendidikan vokasional pertanian dan industria di malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ph.D.
- Cleary, M., Flynn, R., Thomasson, S., Alexander, R. & McDonald, B. (2007). *Graduate employability skills: prepared for the business, industry and higher education collaboration council*. Dicapai pada Januari 13, 2011, dari <http://www.dest.gov.au/highered/bihecc>
- Cox, S. & King, D. (2006). Skill sets: an approach to embed employability in course design. *Education and traning*, 48(4), m.s 262-274. Di capai pada Januari 11, 2011 dari <http://www.emeraldinsight.com/0040-0912.htm>.
- Elsen, P., Jaginowski, J. & Kleinert, R. A. (2005). 2005 Skill gap report. Dicapai pada Oktober 12, 2011, dari http://www.doleta.gov/wired/files/us_mfg_talent_management.pdf
- Hamzah, R. Bakar, A.R., & Kazilan, F. (2006). Pengintegrasian kemahiran *employability* dalam pembelajaran: pandangan pengajar pusat latihan teknikal dan vokasional di Malaysia. *Prosiding seminar kebangsaan teknik dan vokasional*. Skudai: Penerbit UTM. ms. 278-283.
- Ibrahim, A. (2004). Pembelajaran berpusatkan pelajar dan kaitannya dengan pembangunan diri dan peluang pekerjaan. Dicapai pada Januari 11, 2011 dari http://umpir.ump.edu.my/943/1/27_Dr_AbdullahSCL.pdf

Ibrahim, B., Mastor, S., Mohd Salleh, K. & Sulaiman, N.L. (2010). Kemahiran berpasukan menerusi penyertaan di dalam kokurikulum di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dlm. Esa, A. & Mustafa, M. Z. (1st Ed). *Kemahiran insaniah: kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Batu Pahat: Penerbit UTHM. ms. 45 – 71.

International Labour Organisation, ILO (2011). *Global employment trend 2011*. Dicapai pada September 16, 2011 dari http://www.ilo.org/global/publications/books/WCMS_150440/lang--en/index.htm

Knight, P. T. & Yorke, M. (2003). *The society for research into higher education: assessment, learning and employability*. England: McGraw Hill Education.

Maniam, U.M. & Liong, C.Y. (2007). Persepsi pelajar terhadap atribut pekerjaan dan implikasinya ke atas pendidikan Universiti. *Sains Malaysiana*, 36(2), ms 213-223

Mohd Noor, N. & Abd Sukor, N. M. (2010). Penerapan kemahiran employability di institusi latihan perindustrian pasir gudang johor. Dicapai pada Januari 10, 2011 dari http://eprints.utm.my/10589/1/Penerapan_Kemahiran.pdf

Mustafa, Mohd Nor, Suradin & Ahad dlm. Esa, A. & Mustafa, M. Z. (1st Ed). *Kemahiran insaniah: kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Esa, A. & Mustafa, M. Z. (Ed). *Kemahiran insaniah: kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Batu Pahat: Penerbit UTHM. ms. 45 – 71.

NCVER (2003). *At a glance: defining generic skills, national centre for vocational education research*. Australia: Australia National Training Authority.

Nordin, M.S., Abd Hamid, M. Z. & Jabor, M.K. (2005). Tahap keyakinan kemahiran generik di kalangan pelajar kolej komuniti. Seminar Pendidikan 2005, ms 1-12. Dicapai pada Januari 23, 2011, dari <http://web1.fp.utm.my/seminar/5.IsuPendidikan05/Kertaspenuh/Kertas%208.pdf>

- Pool, L.D. & Sewell, P. (2007). The Key to employability: developing a practical model of graduate employability. *Education and Training* 49 (4), ms 277-289. Dicapai pada Februari 5, 2011, dari www.emeraldinsight.com
- Raftopoulos, M., Coetzee, S., & Visser, D. (2009). Work - readiness skills in the fasset sector. *SA Journal of Human Resource Management/ SA Tydskrif vir Menslikehulpbronbestuur*, 7(1), ms 119-126.
- Rasul, M.S., Ismail, M.Y., Ismail, N., Rajuddin, R. & Rauf, R.A. (2009). Peranan institusi pendidikan teknikal dalam pemupukan kemahiran *employability* pelajar. *Jurnal Teknologi*, 50 (E), ms 113-127.
- Raybould, J. & Sheedy, V. (2005). Are graduates equipped with the right skills in the employability stakes?. *Industrial and commercial training*, 37(5), ms. 259-263. Dicapai pada September 9, 2011, dari www.emeraldinsight.com
- Shutt, J., Iles, P. & Zhu, X. 2010. Employability, skill and talent management in Zhejiang province. *Journal of Chinese entrepreneurship*, 3(1), ms. 24-35. Dicapai pada September 9, 2011, dari www.emeraldinsight.com
- Yusoff, I., Ismail, R. & Sidin, R. (2008). Graduan dan alam pekerjaan: kes siswazah UKM. *Akademika*, ms. 3-24. Dicapai pada Januari 11, 2011 dari [http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA72/akademika72\[01\].pdf](http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA72/akademika72[01].pdf)
- Utusan Malaysia (2010, Februari 27). *Lemah bi, suka tukar kerja punca siswazah menganggur*. Dicapai pada Januari 10, 2011 dari <http://www.mohr.gov.my/index.php>